



---

Fail: (6) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39  
Tarikh : 29 Mac 2012

## SIARAN MEDIA

### ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PENGHARGAAN KEPADA PESARA KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Putrajaya, 29 Mac – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meraikan penerima-penerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2011 dan penghargaan kepada warga KPKT yang telah menyempurnakan karier sebagai penjawat awam. Pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini akan menjadi pemangkin untuk memberikan yang lebih baik kepada masyarakat dan membentuk budaya kerja berintegriti. Perubahan minda perlu sentiasa dipraktikkan ke arah penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang sempurna *zero defect* yang menyakinkan rakyat dan menarik pelaburan asing. Penjawat awam masa kini perlu bersikap "berfikir" atau *"the thinking public service and think out-of-the-box* bagi menetapi kehendak pelanggan dan *stakeholders* yang semakin mencabar pada masa kini selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*". Turuthadir di majlis ini ialah YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukim, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan, YBhg. Datuk Seri Ahmad bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha, KPKT, YBhg. Datuk Arpah Bt Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), YBhg. Datin Noriah Bt Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Semua Setiausaha-Setiausaha Bahagian.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)